

26/10/1998

Rakyat luar bandar nikmati lebih kemudahan

KOTA BHARU, Ahad - Kerajaan memberi jaminan rakyat di kawasan luar bandar akan menikmati lebih banyak kemudahan membabitkan semua sektor khususnya pendidikan di bawah pengendalian Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas), mulai tahun depan.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa berkata, ini berikutan penambahan peruntukan melebihi RM100 juta dalam melaksanakan projek prasarana di bawah kementerian itu.

Menurutnya, menerusi Belanjawan 1999 yang diumumkan Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan Pertama, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Jumaat lalu, Kemas mendapat peruntukan tambahan daripada RM40 juta kepada RM90 juta.

"Ini membolehkan jabatan itu menambah kelas kemahiran, guru Tabika dan pelbagai kemudahan lain yang diperlukan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan tertutup dengan kira-kira 200 kontraktor kecil dari seluruh negeri, di sini hari ini.

Annuar berkata, beliau akan mengadakan pertemuan dengan wakil rakyat dan pegawai di bawah kementeriannya di seluruh negeri bagi menjelaskan strategi program pembangunan menerusi peruntukan tambahan itu.

"Ini bagi membolehkan mereka membantu kerajaan sekali gus memainkan peranan proaktif bagi membolehkan masyarakat kampung tidak diabaikan daripada menikmati kemudahan itu," katanya.

Menurutnya, pelbagai projek kecil yang dilaksanakan di kawasan luar bandar adalah antara aspek penting yang akan membantu memulihkan ekonomi negara, selain memberi nafas baru kepada kontraktor kecil.

Menerusi peruntukan tambahan itu juga, katanya, kerajaan melalui kementeriannya akan membina sejauh 3,000 kilometer jalan kampung pada tahun depan.

Beliau mengingatkan kontraktor kecil supaya menyiapkan projek kecil mengikut jadual bagi membolehkan mereka diberi peluang yang sama pada masa akan datang.

(END)